

🏠 Pengenalan Seminar Motivasi

Golongan pegawai dan pekerja merupakan aset penting dalam sebuah organisasi yang akan mendukung cita-cita dan aspirasi Negara di masa hadapan. Mereka adalah golongan generasi pekerja kepada pemimpin yang sedia ada dan juga menjadi nadi utama dalam menggerakkan setiap agenda kerajaan bagi melahirkan warga kerja yang cemerlang. Bagi melahirkan pekerja yang dinamik dan berkemampuan perlulah bermula daripada peringkat paling awal.

Peranan mereka dalam melakukan tugas harian bukan sahaja sebagai pemangkin dalam menghasilkan pekerja yang terbaik, tetapi dalam masa yang sama mereka perlu meningkatkan kualiti diri dari aspek komunikasi, kemahiran interpersonal, pembentukan sikap dan kendiri, memahami budaya dan keperluan kerja yang profesional dan sebagainya.

👥 SIAPA PERLU HADIR

- Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah
- Ketua Jabatan/ Pengurus
- Pensyarah Akademik/ Tutor
- Pegawai Tadbir/ Eksekutif
- Penolong Pegawai Tadbir/ Penolong Eksekutif
- Setiausaha Pejabat/Pembantu Setiausaha Pejabat
- Pembantu Tadbir/ Kerani/ Pembantu Am Pejabat
- Semua staf dari pelbagai gred jawatan dan individu yang berminat

🌐 OBJEKTIF

- Meningkatkan sahsiah dan membentuk sikap positif dalam diri setiap pekerja keseluruhannya.
- Meningkatkan kualiti diri dari aspek kebolehan berfikir dan matang dalam membuat keputusan.
- Melahirkan pekerja yang mempunyai kemahiran dalam menghasilkan kerja yang berkualiti serta berkeyakinan ketika menghadapi situasi yang berbeza-beza.
- Melahirkan pekerja yang mampu berkomunikasi dengan baik dan mempunyai jatidiri yang cemerlang.

⚙️ TENTATIF PROGRAM

8.00 - 8.30 pagi	Pendaftaran Peserta	12.45 - 2.00 ptg	Makan Tengahari/Rehat/Solat
8.30 - 10.30 pagi	MODUL 1 : Mencipta Kepuasan 'Seronok Bekerja'	2.00 - 3.45 ptg	MODUL 3 : Pandai Pikat, Naik Pangkat
10.30 - 11.00 pagi	Minum Pagi	3.45 - 5.00 ptg	MODUL 4 : Tenang Dengan Keberkatan Rezeki
11.00 - 12.45 tgh	MODUL 2 : Mindset & Paradigma Insan Super	5.00 ptg	Majlis Penutup & Penyampaian Sijil Minum Petang & Bersurai

UTMSPACE

📡 KANDUNGAN PROGRAM

1. **MENCIPTA KEPUASAN 'SERONOK BEKERJA'**
 - Apa yang anda cari
 - Apa matlamat dan sasaran anda
 - Efektif atau Efisien
 - Kerja sebagai satu ibadah
 - Kuasa niat dan keikhlasan
2. **MINDSET & PARADIGMA INSAN SUPER**
 - Ilmu mengenal diri-jasmani, minda, hati dan roh
 - Minda sedar VS Minda separa sedar
 - Cara memprogram minda
 - Apa itu Mindset dan Paradigma?
 - Tips membentuk insan super
3. **PANDAI PIKAT NAIK PANGKAT**
 - Rahsia pekerja cemerlang
 - Tips membina jambatan emosi
 - Tips agar menjadi tarikan dan perhatian
 - Skill bercakap-cakap *persuasive*
4. **TENANG DENGAN KEBERKATAN REZEKI**
 - Hidup sebagai satu ibadah
 - Kerja itu satu amanah
 - Kuasa melurus dan menjurus niat
 - Tanda-tanda rezeki itu berkat
 - Kenapa rezeki tertutup?
 - Petua dan amalan membuka pintu rezeki

Y.M. DR. HJ. TENGKU ASMADI BIN TENGKU MOHAMAD

Y.M. Dr. Hj. Tengku Asmadi Bin Tengku Mohamad, A.M.T memperoleh Ph.D dari University of Queensland, Australia. Beliau merupakan Pengarah Urusan MAP Training & Consultancy Sdn. Bhd yang sudah lebih 26 tahun dalam bidang latihan, Jurulatih Bertauliah PSMB (TTT/1529), NLP Train The Trainer, Certified ABNLP Coach, Practitioner, LAB Profiles, Timeline Therapy™ dan Presiden TAMRIN (Pertubuhan Perunding Latihan dan Motivasi Muslim Malaysia). Beliau juga sering dijemput sebagai tetamu di stesen televisyen dalam rancangan MHI, Wanita Hari Ini, Bincang Petang, Al-Hidayah, Al-Kuliyah, Halaqah dan Motivasi Pagi; Selamat Pagi Malaysia dan Inspirasi Pagi; rancangan Muqadimah, Nasi Lemak Kopi O, sebagai tenaga pengajar Public Speaking (Muslim) bagi peserta program realiti Imam Muda Musim ke-3 di Astro Oasis, rancangan Primadona, Selami Jiwa bersama Dato' Dr. Mohd Fadzilah Kamsah serta pelbagai lagi.

